

# BERWASPADA TERHADAP APA-APA YANG LUAR BIASA

Jika anda melihat sebarang tanda-tanda aneh atau mencurigakan, hubungi Polis dengan segera dan berikan maklumat.

## BARANG-BARANG

- Tidak terjaga
- Mengeluarkan bau luar biasa
- Wayar berjuntaian



## KELAKUAN

- Merayau-rayau secara mencurigakan
- Bertanya soalan-soalan aneh
- Mengambil gambar atau video kemudahan keselamatan secara luar biasa (contohnya kamera CCTV)
- Memakai pakaian terlalu besar

## KENDERAAN

- Meluru ke arah orang ramai tanpa mengurangkan kelajuan
- Mengelilingi sesuatu kawasan berulang kali
- Lebih muatan
- Mengandungi barang yang mencurigakan



Muat turun aplikasi SGSecure

Jadilah seorang Responder SGSecure!  
Untuk mengetahui lebih lanjut,  
kunjungi [www.sgsecure.gov.sg](http://www.sgsecure.gov.sg)



iOS



Android



# SEKIRANYA BERLAKU SERANGAN PENGGANAS

## LARI

### LARI DARIPADA BAHAYA

Pertimbangkan jalan paling selamat dan bergerak dengan cepat dan senyap supaya tidak dapat dilihat penyerang. Jangan menyerah diri atau cuba berunding. Bertegas kepada orang lain supaya beredar bersama anda. Tinggalkan barang-barang anda.



## SEMBUNYI

### JIKA ANDA TIDAK DAPAT MELARIKAN DIRI, SEMBUNYI

Sembunyi dan pastikan anda tidak kelihatan. Letakkan barang berat seperti meja di belakang pintu untuk menghalang penyerang daripada masuk. Jauhi pintu. Berdiam diri dan letakkan telefon anda kepada mod senyap.

## BERITAHU

### BERITAHU POLIS

Apabila dalam keadaan selamat, telefon Polis di talian 999. Kirimkan SMS kepada 70999 jika keadaan tidak mengizinkan anda untuk bercakap. Berikan butiran mengenai lokasi anda dan penyerang. Gunakan aplikasi SGSecure untuk mengirimkan maklumat, gambar dan video kepada Polis.




Muat turun aplikasi SGSecure

Jadilah seorang Responder SGSecure!  
Untuk mengetahui lebih lanjut,  
kunjungi [www.sgsecure.gov.sg](http://www.sgsecure.gov.sg)



iOS



Android



# SEKIRANYA BERLAKU SERANGAN PENGGANAS



## IKAT





Ikat sekurang-kurangnya 5sm di atas bahagian luka menggunakan benda seperti tali leher, tali pinggang atau tali beg untuk menghentikan pendarahan parah. Ini boleh dilakukan untuk luka di tangan dan kaki sahaja. (Jika pendarahan masih tidak berhenti, gunakan teknik 'windlass').



## TEKAN

Tekan langsung di atas luka untuk menghentikan pendarahan dengan menggunakan benda seperti sapu tangan atau kain. (Jika pendarahan tidak berhenti, terus ke langkah berikut iaitu ikat).

### TEKNIK 'WINDLASS' LANGKAH TAMBAHAN JIKA PENDARAHAN BERTERUSAN

-  Ikat sekurang-kurangnya 5sm di atas ikatan yang pertama
-  Letakkan batang (pena atau batang kayu) di atas ikatan yang kedua dan ikat batang tersebut
-  Putar batang itu dalam satu arah sehingga pendarahan berhenti
-  Ketatkan batang dengan mengikat simpulan



## BERITAHU

Beritahu pegawai kecemasan SCDF tentang kecederaan tersebut dan masa apabila anda mengikat luka.

Muat turun aplikasi SGSecure

Jadilah seorang Responder SGSecure!  
Untuk mengetahui lebih lanjut,  
kunjungi [www.sgsecure.gov.sg](http://www.sgsecure.gov.sg)



iOS



Android



# SELEPAS SERANGAN



## TENANGKAN DIRI DAPATKAN MAKLUMAT

Dapatkan maklumat dan nasihat terkini daripada sumber-sumber rasmi, seperti laman web atau Facebook Polis, siaran akhbar pemerintah dan aplikasi SGSecure.

## JANGAN SEBARKAN BERITA ANGIN JANGAN BUAT SPEKULASI

Jangan siar atau kongsi video atau gambar yang belum disahkan yang boleh menyebabkan rasa cemas dan takut.



## JAGA SATU SAMA LAIN BANTU ORANG LAIN KEMBALI MENJALANI KEGIATAN HARIAN MEREKA

Galakkan keluarga dan teman anda untuk bangkit semula dan kembali menjalani kegiatan harian mereka secepat mungkin.



Muat turun aplikasi SGSecure

Jadilah seorang Responder SGSecure!  
Untuk mengetahui lebih lanjut,  
kunjungi [www.sgsecure.gov.sg](http://www.sgsecure.gov.sg)



iOS



Android



**SGSECURE**  
STAY ALERT. STAY UNITED. STAY STRONG.